

08/03/2002

AS langgar konsep pasaran bebas: PM

Misiah Taib; Abdul Halim Yusoff

TINDAKAN Amerika Syarikat mengenakan tarif import yang tinggi bagi pelbagai produk keluli, membuktikan negara itu sendiri tidak mengamalkan konsep pasaran bebas yang sering dilaungkannya.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, tindakan Amerika itu sekali gus menunjukkan bahawa konsep pasaran bebas harus dikaji semula.

Katanya, Malaysia sentiasa percaya dan komited dengan deregulasi dan pasaran terbuka tetapi mengakui setiap negara tetap perlu melindungi kepentingan domestiknya dalam keadaan tertentu.

"Pasaran terbuka adalah mengenai memberi dan menerima. Jika, anda terlalu melindungi pasaran domestik, sudah tentu anda akan dapati sukar untuk menembusi pasaran asing.

"Justeru, Malaysia juga melihat kemungkinan menaikkan tarif bagi produk tertentu walaupun beroperasi dalam Kawasan Perdagangan Bebas Asean (Afta)," katanya.

Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan berkata demikian dalam dalam sesi dialog pada Sidang Puncak Ekonomi Asia di Kuala Lumpur, semalam.

Kelmarin, Amerika Syarikat mengumumkan mengenakan tarif import sehingga 30 peratus bagi tempoh tiga tahun terhadap pelbagai jenis keluli.

Peningkatan tarif itu, yang dipercayai sebagai langkah Amerika Syarikat melindungi industri keluli tempatannya, dikatakan dibuat atas dorongan agenda politik domestiknya.

Tindakan Amerika itu menyebabkan pelbagai negara terutama Jepun yang terjejas teruk dengan tindakan itu, merancang membuat bantahan kepada Pertubuhan Perdagangan Sedunia (WTO).

Sejak awal 1998, 31 kilang keluli Amerika yang mewakili kira-kira separuh daripada industri, sudah jatuh muflis atau memohon perlindungan muflis.

Dr Mahathir berkata, sudah tentu Malaysia tidak gembira dengan tindakan Amerika itu tetapi secara bersendirian, tidak banyak yang boleh dilakukan.

"Bagaimanapun, Jepun dan Eropah juga menyuarakan tidak puas hati mereka. Jika secara sendirian tidak banyak yang boleh dilakukan, mungkin secara bersama kita boleh lakukan sesuatu," katanya.

Perdana Menteri berpendapat, negara lain yang tidak bersetuju dengan kenaikan tarif import keluli Amerika itu perlu bergabung untuk bertindak balas.

Mengenai pasaran bebas, beliau berkata, Malaysia percaya kepada konsep itu kerana masyarakat tidak boleh dikongkong tetapi jika terlalu bebas, ia akan menjadi kalam-kabut.

"Deregulasi industri, dalam banyak keadaan menyebabkan masyarakat mendapat perkhidmatan jauh lebih buruk, seperti yang terjadi dalam industri penerbangan.

"Apabila masalah berlaku, amalan terbaik diketepikan, jadi adakah deregulasi benar-benar bermanfaat?" tanya Perdana Menteri.

Sementara itu, ditanya jika Malaysia percaya pertumbuhannya boleh dijana penggunaan domestik, Dr Mahathir berkata, Malaysia adalah negara perdagangan.

"Ini menyebabkan ekonominya tidak boleh bergantung kepada pasaran domestik yang berpendapatan rendah berbanding pasaran domestik di negara maju," katanya.

Sehubungan itu, beliau berkata, negara maju yang mempunyai pasaran

domestik berpendapatan tinggi perlu membuka pasaran bagi membolehkan lebih banyak produk negara membangun memasukinya.

(END)